

**TEKS UCAPAN**

**PNC (JIM)**

**WAKIL NAIB CANSELOR**

---

**MAJLIS PELANCARAN KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAM (KTP)**

**03 FEBRUARI 2016 (RABU); 9:00 PAGI**

**BILIK MESYUARAT HANG TUAH, MPHTJ**

**Y.Bhg. Tuan Haji Mansor bin Sudin**

Yang Dipertua Majlis Perbendaharaan Hang Tuah Jaya

Wakil-wakil dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Pegawai- Pegawai MPHTJ

Rakan Media, Tuan-Tuan Puan-Puan, Hadirin Hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

## **PENGENALAN**

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM yang tidak dapat bersama-sama dalam majlis pada pagi ini kerana mempunyai urusan lain yang tidak dapat dielakkan. Beliau berharap agar program pada pagi ini mencapai hasratnya dan mendapat keberkatan dari Allah S.W.T.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

2. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada pagi yang penuh keberkatan ini, kita dapat dipertemukan di dalam **Majlis Pelancaran Knowledge Transfer Program (KTP)** yang dianjurkan secara bersama oleh UTeM dan MPHTJ.
3. Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada di atas kesudian Yang Dipertua MPHTJ untuk bersama-sama menyempurnakan majlis pada pagi. Saya yakin, dengan penganjuran program sebegini akan mengerat dan memperkuatkan lagi hubungan antara UTeM dan MPHTJ yang ternyata akan memberi kebaikan secara bersama.

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kumpulan KTP UTeM dan MPHTJ yang telah berjaya mengorak langkah melaksana dan menjayakan Program KTP yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Fokus utama program ini adalah terhadap sektor pengangkutan dan urbanisasi, selaras dengan usaha untuk mengurangkan kesesakan trafik yang sering berlaku di sekitar Ayer Keroh, Melaka.
5. Sebagai makluman bersama, program ini berjaya dilaksanakan menerusi peruntukan geran yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Program ini merupakan satu inisiatif pemindahan ilmu mengenai sistem pengangkutan yang lestari di mana ia bakal melibatkan pelbagai pihak terutama MPHTJ dan UTeM di samping turut melibatkan masyarakat di sekitar Ayer Keroh.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

6. Saya difahamkan, program ini merupakan program kerjasama yang julung kalinya dilaksanakan oleh MPHTJ bersama institusi pendidikan tinggi, UTeM bagi mempertingkat dan memperkuuhkan lagi pengurusan dan pengoperasian ke tahap yang lebih cekap dan mantap. Saya yakin kerjasama ini mampu menggabungkan ilmu dan teknologi terkini, yang mana hasilnya dapat dimanfaatkan secara bersama dengan masyarakat setempat.
7. Program KTP ini juga dilaksanakan sejajar dengan bidang tujuan UTeM dalam teknologi hijau dan kelestarian komuniti, secara langsung menyokong hasrat Kerajaan Negeri ini mencapai status negeri maju yang mampan dan negeri bandar Teknologi Hijau menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, diharapkan program ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan

di Air Keroh, malah dapat memberi kesedaran tentang kepentingan pengangkutan yang lestari di kalangan masyarakat awam.

8. Dalam usaha mencapai objektif projek ini, pihak UTeM juga telah bersetuju untuk melantik siswazah pelatih yang diharapkan dapat melancarkan operasi projek dan meningkatkan pembangunan peribadi dan profesional mereka menerusi tugas-tugas yang diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

9. Terdapat 4 fasa utama yang bakal dilalui sepanjang Program KTP ini yang bermula pada Januari 2016. Pada fasa 1 dan 2, kakitangan MPHTJ akan diberi pendedahan berkenaan kesedaran pengangkutan lestari menerusi sesi bengkel dan latihan yang diadakan di MPHTJ.
10. Kemudian, pada fasa 3 pula, pihak akademia UTeM dan kakitangan MPHTJ akan bersama-sama mengumpul data berkaitan sistem pengangkutan darat dan mengadakan program komuniti di

sekitar kawasan Ayer Keroh. Di samping itu, kaedah pelaksanaan pengumpulan data secara menyeluruh akan dijalankan dengan penglibatan masyarakat awam di sekitar Ayer Keroh, Melaka. Hal ini bertepatan dengan fokus geran ini yang melibatkan komuniti secara amnya.

11. Seterusnya, pada peringkat terakhir iaitu pada fasa 4, sebuah *blueprint* yang komprehensif akan dibangunkan. Ia sebagai rujukan bagi pihak perancang bandar di MPHTJ dalam membangunkan sistem pengangkutan yang lestari dalam pembangunan bandar yang mampan dan selamat setanding dengan bandar mampan lain di malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan Program KTP. Diharapkan Kumpulan KTP UTeM dan MPHTJ dapat memberikan kerjasama dan komitmen sepenuhnya supaya objektif yang direncana akan dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.
13. Akhir kata, semoga kerjasama seperti ini dapat diteruskan di dalam program dan projek yang lain, memandangkan pelbagai manfaat dapat diperolehi untuk kebaikan semua pihak. Sesungguhnya semangat kerja berpasukan, kegigihan dan keikhlasan adalah kunci utama kepada sesbuah kejayaan. Selamat maju jaya saya ucapkan.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima Kasih.